



**TIMBALAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (PEMBANGUNAN)
DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE (DEVELOPMENT)**

Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892639
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan kami : JPA.100-1/4/1 (12)
Tarikh : 23 Februari 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN PROGRAM PENILAIAN CELIK DIGITAL PENJAWAT AWAM

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) telah dilancarkan pada 19 Februari 2021 bagi menetapkan hala tuju ekonomi digital negara dan membina asas untuk memacu inisiatif-inisiatif pendigitalan.

3. Salah satu inisiatif MyDIGITAL di bawah Kluster Kerajaan adalah untuk merealisasikan aspirasi 100 peratus penjawat awam mencapai tahap celik digital menjelang tahun 2025. Aspirasi yang sama turut ternyata dalam Bidang Keutamaan A, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), di bawah Strategi A1 Mentransformasi Perkhidmatan Awam.

4. Dalam hubungan ini, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah dipertanggungjawabkan untuk menjayakan inisiatif ini dengan melaksanakan program melahirkan penjawat awam celik digital melalui latihan. Bagi menjayakannya, tahap kematangan celik digital penjawat awam terlebih dahulu perlu dinilai menerusi program penilaian celik digital, yang telah selesai dibangunkan kaedahnya bagi tujuan tersebut.



5. Sehubungan dengan itu, bagi menjayakan hasrat Kerajaan di bawah inisiatif MyDIGITAL dan RMKe-12 ini maka **semua penjawat awam** adalah **diwajibkan** untuk menyertai program penilaian celik digital. Penilaian akan dilaksanakan seperti berikut:

- i. Tempoh pelaksanaan adalah dari Mac 2023 sehingga Jun 2024 melibatkan semua Kementerian, Jabatan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan, Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan;
- ii. Penilaian dilaksanakan secara dalam talian menerusi Sistem Penilaian Celik Digital. Maklumat pautan capaian kepada sistem akan dimaklumkan menjelang pelaksanaan setiap fasa. Setiap penjawat awam perlu mendaftarkan diri dalam sistem penilaian terlebih dahulu sebelum dapat mengikuti program penilaian tersebut. Sijil keputusan penilaian akan dijana kepada setiap responden yang selesai dan lengkap menjawab semua soalan;
- iii. Penyelaras akan dilantik di peringkat Kementerian/ Jabatan/ Agensi untuk memantau dan memastikan pelaksanaan program penilaian berjalan lancar. Terma rujukan penyelaras adalah seperti di **Lampiran A**;
- iv. Pelaksanaan penilaian dijalankan dalam dua (2) peringkat iaitu peringkat pertama melibatkan penjawat awam Persekutuan dan peringkat kedua melibatkan penjawat awam di Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan, Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Peringkat pertama akan dilaksanakan pada tahun 2023 manakala peringkat kedua pada tahun 2024 seperti di **Lampiran B**; dan
- v. Pencapaian pelaksanaan dan hasil penilaian setiap Kementerian/ Jabatan/ Agensi akan dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa MyDIGITAL Kluster Kerajaan.

6. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk memastikan penglibatan semua penjawat awam di bawah seliaan masing-masing untuk mengikuti program penilaian tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan.


7. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam menjayakan program penilaian celik digital penjawat awam ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. ZULKAPLI BIN MOHAMED)
b.p.: Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

s.k.:
Ketua Setiausaha Negara

LAMPIRAN A

PENILAIAN CELIK DIGITAL

TERMA RUJUKAN PEGAWAI PENYELARAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

- a) Memantau dan menyelaras pelaksanaan program penilaian Celik Digital di peringkat Kementerian/ Jabatan/ Agensi masing-masing dari segi:
 - i. Memastikan kesedaran dan penglibatan semua peringkat warga dalam program; dan
 - ii. Menyediakan dan mengemukakan laporan penglibatan warga dalam program penilaian ini kepada Urusetia INTAN mengikut templat laporan yang akan dimaklumkan.
- b) Menghadiri sebarang sesi libat urus berkaitan program.
- c) Bertindak sebagai pegawai penghubung (*single point of contact officer*) di antara Kementerian/ Jabatan/ Agensi dan pihak INTAN dalam sebarang urusan berkaitan program ini.
- d) Bekerjasama dengan Bahagian IT masing-masing untuk memastikan kelancaran program penilaian di Kementerian/ Jabatan/ Agensi.

**JADUAL PELAKSANAAN PENILAIAN CELIK DIGITAL
TAHUN 2023 - 2024**

FASA PELAKSANAAN	KEMENTERIAN/JABATAN
FASA 1 (MAC 2023)	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perdana Menteri * • Kementerian Komunikasi dan Digital • Kementerian Kerja Raya • Kementerian Luar Negeri • Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya • Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
FASA 2 (APRIL 2023)	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Dalam Negeri • Kementerian Kewangan Malaysia • Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat • Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim • Kementerian Belia dan Sukan
FASA 3 (MEI 2023)	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah • Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan • Kementerian Pengangkutan • Kementerian Pertahanan • Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup • Kementerian Perpaduan Negara
FASA 4 (JUN 2023)	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan • Kementerian Sumber Manusia • Kementerian Ekonomi • Kementerian Perladangan dan Komoditi • Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi • Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
FASA 5 (JULAI 2023)	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Kesihatan Malaysia
FASA 6 (OGOS 2023)	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Pendidikan • Kementerian Pendidikan Tinggi
FASA 7 (JANUARI 2024 – JUN 2024)	<ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan Negeri • Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan • Pihak Berkuasa Berkanun Negeri • Pihak Berkuasa Tempatan

* Termasuk Pejabat Menteri Hal Ehwal Agama, Pejabat Menteri Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas dan Pejabat Menteri Undang-Undang dan Reformasi Institusi